

26 FEB 2001

Mahathir-kesihatan/I

K'JAAN USAHA ATASI KENAIKAN KOS PERUBATAN

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedang mencari jalan mengatasi masalah kos perubatan yang semakin meningkat bagi menentukan golongan miskin turut mendapatkan rawatan.

Perdana Menteri berkata bahawa dengan menswastakan perkhidmatan penjagaan kesihatan, kerajaan bukannya hendak melepaskan tanggungjawabnya untuk menyediakan perkhidmatan rawatan lebih baik di negara ini.

"Kita mahu menjaga kesihatan pesakit tetapi kita tidak mampu membiayai segala-galanya. Sesetengah daripada pesakit mestilah sanggup bayar.

"Apabila mereka berjumpa doktor swasta, mereka membayar harga yang tinggi tetapi apabila mereka datang ke hospital kerajaan, mereka berharap untuk mendapatkan rawatan percuma," katanya pada sesi dialog dengan peserta Persidangan Antarabangsa mengenai Globalisasi di sini.

Persidangan dua hari itu dianjurkan oleh Kementerian Kewangan dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia.

Dr Mahathir ditanya mengenai hala tuju dasar kerajaan Malaysia mengenai kesihatan yang menggalakkan penswastaan perkhidmatan kesihatan dan sama ada ia membolehkan golongan miskin mendapatkan rawatan di hospital swasta.

Perdana Menteri berkata kerajaan membenarkan orang ramai mendapatkan rawatan perubatan termasuk pembedahan dengan membayar kadar yang rendah walaupun kosnya tinggi.

"Tetapi apabila kos terus naik, saya tak nampak bagaimana kerajaan boleh terus membiayainya. Kita kena teruskan dengan sistem yang ada dan kita cuba mencari jalan menangani kos yang semakin meningkat," katanya.

Sambil mengimbau sejarah penjagaan kesihatan di negara ini, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak dapat untuk terus menanggung kos kerana ia semakin bertambah.

"Pada masa dahulu, kita beri percuma ubat batuk yang berharga satu sen tetapi hari ini, kos rawatan itu lebih tinggi. Setiap kapsul berharga RM5 hingga RM10 dan perlu dimakan empat kali sehari," katanya.

Dr Mahathir berkata untuk mengurangkan kos, pilihan yang ada ialah untuk menswastakan atau mengkorporatkan hospital supaya mereka boleh membuat keputusan siapa yang perlu dikenakan bayaran.

"Mungkin golongan termiskin boleh diberi rawatan percuma dan golongan yang mampu dikehendaki membayar untuk dapatkan ubat atau bayar sebahagian harga ubat.

"Tetapi kerajaan nampaknya masih di belakang perkhidmatan kesihatan kerana kita menyediakan sebahagian daripada kos mengendalikan hospital," katanya.

-- BERNAMA

HS AR MAI